

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 91**

**KAWALAN KUTIPAN DERMA**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran pendek
2. Kebenaran Menteri adalah diperlukan untuk menerima atau meminta kutipan derma bagi maksud-maksud yang dianggap sebagai maksud-maksud awam dan dalam hal-hal lain yang tertentu
3. Permohonan bagi mendapatkan kebenaran Menteri
4. Kuasa bagi Menteri untuk mengambil tindakan sementara semasa menimbangkan pembuatan suatu perisyiharan di bawah perenggan (b) ceraian (1) dari bab 2
5. Kesalahan dan hukuman
6. Aturan-aturan

## AKTA KAWALAN KUTIPAN DERMA

23 tahun  
1953

**Satu Akta untuk mengawal penerimaan atau permintaan sumbangan atau kutipan derma bagi maksud-maksud yang dianggap sebagai maksud-maksud awam dan dalam hal-hal lain yang tertentu dan untuk mengadakan syarat yang berbangkit.**

*Permulaan kuatkuasa : 15hb Disember 1953*

Gelaran  
pendek

Kebenaran  
Menteri  
adalah  
diperlukan  
untuk  
menerima  
atau meminta  
kutipan  
derma  
bagi maksud-  
maksud yang  
dianggap  
sebagai  
maksud-  
maksud  
awam  
dan dalam  
hal-hal lain  
yang tertentu

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Kawalan Kutipan Derma.

2. (1) Tiada sesiapa pun boleh tanpa kebenaran awal daripada Menteri menerima atau meminta sumbangan atau kutipan derma daripada mana-mana orang lain —

(a) bagi sebarang maksud yang dianggap sebagai maksud awam di bawah Akta ini ; atau

(b) bagi sebarang maksud yang mungkin diisyiharkan oleh Menteri dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* dengan sebarang perihalan am atau tertentu atau dalam sebarang hal tertentu sebagai maksud yang dikenakan dengan bab ini.

(2) Suatu maksud hendaklah dianggap sebagai maksud awam dalam makna bab ini jika —

(a) ianya berkaitan dengan suatu tujuan atau perkara yang biasanya menjadi tugas atau urusan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa awam atau tempatan ; atau

(b) ianya berupa khairat ; atau

(c) ianya adalah bagi faedah mana-mana bangsa atau masyarakat di Negara Brunei Darussalam, termasuk masyarakat yang terbentuk menurut tempat kediaman di suatu bahagian atau bahagian-bahagian

Negara Brunei Darussalam yang tertentu atau dengan merujuk kepada anggota-anggota kumpulan bangsa atau keagamaan yang bermastautin ;

Dengan syarat bahawa kutipan derma atau sumbangan yang diterima atau diminta bagi suatu maksud yang memberi faedah kepada suatu kumpulan keagamaan hendaklah dianggap sebagai diterima atau diminta bagi suatu maksud yang bukannya maksud awam jika kutipan derma atau sumbangan itu hanya diterima atau diminta daripada anggota-anggota kumpulan keagamaan itu sahaja, dan tidak daripada orang lain.

Dan dengan syarat bahawa fakta bahawa suatu maksud adalah juga bagi faedah orang-orang atau badan-badan di luar Negara Brunei Darussalam hendaklah tidak menghindarkannya dari berupa suatu maksud yang dikenakan dengan perenggan (c) dan dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud-maksud perenggan (b) perkataan “khairat” hendaklah menerima makna yang sama sebagaimana yang terdapat dalam undang-undang England.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam bab 2 Menteri boleh dengan perintah mengisyiharkan bahawa bab 2 hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang maksud yang dinyatakan dalam perintah itu dan boleh dari masa ke semasa meminda sebarang perintah yang dibuat demikian dan sebarang perintah itu hendaklah berkuatkuasa mengikut maksudnya tertakluk kepada sebarang pindaan itu.

3. Mana-mana orang yang hendak mendapatkan kebenaran Menteri di bawah bab 2 atau yang berhasrat supaya suatu perintah dibuat di bawah ceraian (3) dari bab itu hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri atau kepada orang yang mungkin diberi kuasa oleh Menteri untuk mene-rima sebarang permohonan itu dengan menyatakan secara lengkap tujuan yang mana dia berhasrat hendak mene-rima atau meminta sumbangan atau kutipan derma atau yang

Permohonan  
bagi  
mendapatkan  
kebenaran  
Menteri

berkaitan dengannya dia berhasrat supaya suatu perintah dibuat mengikut mana yang berkenaan, dan memberi butir-butir dan maklumat lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Kuasa bagi  
Menteri  
untuk  
mengambil  
tindakan  
sementara  
semasa  
menimbang-  
kan  
pembuatan  
suatu  
perisytiharan  
di bawah  
perenggan (b)  
ceraian (1)  
dari bab 2

4. Jika Menteri mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang menerima atau meminta sumbangan atau kutipan derma atau berniat hendak melakukannya dan Menteri berpendapat bahawa adalah mustahak untuk mendapatkan maklumat tentang maksud dalam mana kutipan derma atau sumbangan itu akan atau boleh diterima atau diminta maka dia boleh dengan notis yang ditandatanganinya yang di alamatkan kepada orang itu menghendakinya supaya memberi sama ada maklumat dan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau maklumat dan butir-butir sebagaimana yang mungkin dikehendaki olehnya dengan notis itu dan boleh selanjutnya menghendaki orang itu supaya tidak menerima atau meminta sebarang sumbangan atau kutipan derma sehingga habis tempoh satu bulan dari tarikh bila maklumat itu telah diberikan. Suatu pelanggaran sebarang kehendak itu adalah menjadi kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$800 atau penjara selama 3 bulan.

Kesalahan  
dan  
hukuman

5. (1) Suatu pelanggaran bab 2 adalah menjadi kesalahan : Hukuman, bagi kesalahan pertama denda sebanyak \$4,000 ; bagi kesalahan kedua atau berikutnya denda sebanyak \$4,000 dan penjara selama 6 bulan.

(2) Tiada sesiapa pun boleh menggunakan atau membenarkan penggunaan sebarang sumbangan atau kutipan derma bagi suatu maksud selain dari maksud ianya dikutip atau yang berkaitan dengannya ianya dikutip : Hukuman, denda sebanyak \$4,000 dan penjara selama 6 bulan.

(3) Adalah sah bagi seseorang majistret atas permohonan yang dibuat oleh atau bagi pihak Menteri dan atas bukti bahawa mana-mana orang ada dalam milik atau kawalannya wang yang diterima atau diminta dengan melanggar Akta ini untuk memerintahkan supaya wang itu dibayar

kepada Perbendaharaan dan dilucut menjadi hak Kerajaan. Sebarang perintah itu hendaklah berkuatkuasa mengikut maksudnya dan sebarang pelanggarannya adalah menjadi kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$8,000.

(4) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat ceraian (3) jika Menteri berpuashati bahawa sebarang wang yang dibayar kepadanya menurut suatu perintah di bawah ceraian (3) adalah atau menunjukkan wang yang pada asalnya disumbang atau diberikan oleh seseorang yang tidak mengetahui dan tidak dapat mempastikan dengan munasabah bahawa wang itu telah diterima atau diminta dengan melanggar Akta ini, maka dia hendaklah atas permohonan membayar kepada orang itu sejumlah yang bersamaan dengan wang itu yang berkaitan dengannya dia amat berpuas hati.

6. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat aturan-aturan untuk mempersyaratkan penguatan kuasaan Akta ini dan khususnya bagi —

Aturan-  
aturan

- (a) menetapkan maklumat dan butir-butir yang hendak diberikan —
  - (i) apabila membuat suatu permohonan di bawah bab 3 ;
  - (ii) bagi maksud mematuhi suatu notis di bawah bab 4 ; atau
  - (iii) apabila membuat suatu permohonan di bawah ceraian (4) dari bab 5 ;
- (b) membenarkan orang-orang untuk menerima permohonan-permohonan di bawah bab 3 ; dan
  - (c) mewakilkan kepada mana-mana pegawai Kerajaan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri oleh syarat-syarat Akta ini selain dari kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini.